

30 MAR 2001

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE N. SEMBILAN

JEMPOL, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk lawatan rasmi sehari ke Negeri Sembilan.

Perdana Menteri yang tiba pada kira-kira pukul 9.40 pagi disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan para pemimpin lain Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir kemudiannya mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno Bahagian Jempol dan Jelevu di Dewan Besar, Pejabat Daerah Jempol di Bandar Baru Serting di sini.

Selepas itu, beliau akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Yamtuan Radin, Kuala Pilah sebelum mengadakan perjumpaan tertutup dengan para pemimpin Umno Bahagian Kuala Pilah dan Tampin di Dewan Baru Majlis Daerah Kuala Pilah pada kira-kira 2.30 petang.

Pada sebelah malam, beliau akan menghadiri perjumpaan dengan ketua-ketua dan kakitangan jabatan kerajaan di Hotel Hilton, Seremban sebelum kembali ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

APG PR